



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 66  
No. 7

**4hb April 2013**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 581.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Venkatarawana a/l Appalasamy dan Karpagam a/p Selvakumar yang beralamat di 4 Lorong 4, Taman Setia, 28500 Lanchang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahwasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahwasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Temerloh, Pahang pada hari Khamis bersamaan 11 Julai 2013 jam 10.00 pagi.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Semantan Daerah Temerloh. No. Lot—96 Seksyen 02. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3470. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 3224/2008. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 19 Mac 2013  
[PTT. 4/369/42/2012]

*Pentadbir Tanah*  
*Temerloh*

**No. 582.**

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Maran, dalam Negeri Pahang.

DI ANTARA

BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA  
BERHAD

PEMEGANG  
GADAIAN

DAN

KAMAR BIN MAT

PENGGADAI

Kepada Kamar bin Mat (KP. 610416-08-5393) beralamat RL 21, Jalan Luhur, Rantau Perintis, 26400 Bandar Jengka dan/atau Lot 100, Jalan Besar, 26400 Bandar Jengka, Pahang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jual dikeluarkan di atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 30 Mei 2013 (Khamis) jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Pejabat Daerah dan Tanah Maran, Pahang.

Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir bagi menunjukkan sebab mengapa Perintah Jual tersebut tidak boleh dibuat. Kegagalan tuan/puan untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan Perintah Jualan dikeluarkan berdasarkan subseksyen 262(3) Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Chenor. No. P.T.—2235 (Lot 12181). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1698 (P.M. 20298). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 455/2005.

Bertarikh 19 Mac 2013  
[PTM. 4-3-0005(13)]

*Pentadbir Tanah  
Maran*

No. 583.

## AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

(Seksyen 4)

## NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

PBT bagi Projek SMK Bentong Makmur, Mukim Bentong, Daerah Bentong, Pahang.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki ke mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujuk kepada Pentadbir Tanah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) Negeri Pahang, Bangunan JKPTG, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang.

## JADUAL

Daerah—Bentong.

- a. Tujuan Pengambilan: PBT bagi Projek SMK Bentong Makmur, Mukim Bentong, Daerah Bentong, Pahang.
- b. Butiran Tanah—

Bil.	Daerah/Jajahan	Mukim	No. Lot/P.T.
1.	Bentong	Bentong	2685
2.	Bentong	Bentong	3522
3.	Bentong	Bentong	2684 (P.T. 21549)

[JKPTG./Phg./UPT/693/01/2013/01]

DATO' AZIZAN BIN AHMAD  
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri  
 Pahang*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
 KUALA LUMPUR  
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA